

## Bab 5 Peradaban Melaka Kosmopolitan.

### 5.1 Pengenalan.

Sejarah peradaban Melayu telah menjadi bahan kajian sarjana-sarjana tempatan mahupun dari luar negara. Sejarah tamadun Melayu boleh dikatakan bermula pada awal abad pertama Masihi dan ini dapat dilihat daripada kemunculan beberapa buah negara kota seperti kerajaan Funan, Kedah Tua, Gangga Nagara, Langkasuka, Srivijaya, Pasai dan banyak lagi di sekitar Kepulauan Melayu. Walaupun pertumbuhannya agak lewat jika dibandingkan dengan tamadun-tamadun besar seperti Mesopotamia, Mesir, Indus dan Hwang Ho, namun Tamadun Melayu telah berkembang pesat dengan mengikuti proses yang sama seperti yang pernah dialami oleh kebanyakan tamadun besar di dunia ini.

Interaksi peradaban bermaksud pertemuan, perhubungan dan komunikasi yang berlaku antara dua atau lebih peradaban. Ketika berlakunya proses komunikasi tersebut, pertemuan antara peradaban-peradaban itu adalah pertemuan yang aktif dan saling bertindakbalas. Melalui interaksi tersebut dapatlah kita memahami bagaimanakah sesebuah tamadun itu dapat membentuk jati diri tamadunnya yang dapat dilihat sehingga sekarang ini.

Tamadun adalah sesuatu yang dinamik, ianya berubah dan tidak statik, walaupun perubahan itu berlaku kadang kala cepat dan kadang kala lambat. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, tamadun juga terbentuk hasil daripada interaksi antara satu tamadun dengan tamadun lain sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Ketika proses interaksi itu berlangsung, tamadun yang lebih maju telah mencorakkan bentuk tamadun yang terkemudian. Ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa tamadun-tamadun awal di Asia Tenggara dan Malaysia khususnya, pada hakikatnya adalah hasil pertumbuhan melalui interaksi penduduk-penduduk rantau ini dengan masyarakat dari luar seperti Islam, China, India, Barat dan antara bangsa-bangsa atau etnik yang terdapat di rantau ini. Proses ini masih berterusan sehingga sekarang.

Kedudukan Kepulauan Melayu yang terletak di tengah-tengah laluan perdagangan maritim antara Timur Tengah, India dan kemudiannya Barat dengan China dan Jepun, maka wilayah Asia Tenggara khususnya Malaysia adalah membolehkan proses interaksi berlangsung secara dinamis. Sebab itulah kebanyakan ahli sejarah menganggap negara-negara di Asia Tenggara selalu berada dalam lindungan peradaban India, Cina, Islam dan akhirnya Barat secara bersilih ganti. Hakikat bahawa terdapatnya ciri-ciri yang berasal daripada berbagai peradaban memang tidak dapat dinafikan, kerana fenomena ini adalah mencerminkan liku-liku sejarah yang dilalui dalam proses

pembentukan tamadun. Bab ini akan membincangkan secara ringkas perkembangan tamadun Melayu dan Kota Melaka sehingga menjadi sebuah kota *madani* yang kosmopolitan.

## 5.2 Zaman Prasejarah.

Zaman prasejarah dapat dikatakan babak pertama dalam pertumbuhan tamadun di rantau ini. Hasil penggalian-penggalian oleh ahli-ahli arkeologi telah mendapati tamadun Asia Tenggara telah melalui beberapa tahap kira-kira lebih 10,000 tahun lalu. Menurut Wilhelm G. Solheim II (Dalam Mohd Taib Osman, 1974:5) bahawa di Asia Tenggara mungkin peradaban manusia mula-mula dicipta. Beliau juga mengemukakan susunan tingkatan peradaban prasejarah yang terdapat di Asia Tenggara berbeza daripada susunan tingkatan yang lazim diterima selama ini sebagai universal. Sebagai contoh antara penemuan-penemuan arkeologi di Asia Tenggara:

- a. Penggalian di Non Nok Tha dan sebuah gua yang dipanggil *Spirit Cave* utara Thailand telah membuktikan bahawa peradaban manusia yang mencerminkan wujudnya tanaman tumbuh-tumbuhan dan binatang ternakan telah wujud sejak 5,000 tahun lebih awal daripada peradaban yang serupa di Asia Barat.

- b. Penemuan arkeologi tersebut membuktikan bahawa pengaliran peradaban bukanlah dari luar, iaitu dari benua India dan China ke dalam, iaitu Asia Tenggara, tetapi sebaliknya.
- c. Hasil kajian di Gua Cha, dan Gua Tampak di Kelantan, Gua Tongkat, Gua Orang Bertapa dan Gua Kecil di Pahang dan di beberapa tempat lagi jelas membuktikan bahawa manusia Melayu Proto yang berasal dari selatan China telah pun tiba ke Tanah Melayu kira-kira 2500 dan 1500 Sebelum Masihi. Menurut Heine-Geldern (Dalam Ismail hamid, 1991:9) keturunan merekalah yang mendiami pendalaman Kepulauan Melayu sekarang ini.
- d. Golongan yang datang kemudian yang membawa tamadun logam dikenali sebagai Melayu Deutro, dan keturunan mereka merupakan penduduk-penduduk pesisir di Kepulauan Melayu.

George Coedes (1968) dalam bukunya *The Indianized States of Southeast Asia*, menyatakan penduduk bumiputera di Tanah Melayu sudah mempunyai peradabannya sendiri dan bukanlah manusia primitif. Mereka telahpun mengetahui teknik-teknik menanam padi sawah, menternak binatang, hal pelayaran dan menggunakan logam. Manakala N.J.Krom (Dalam Mohd.Taib Osman,1974:12) pula mengesyorkan bahawa di samping adanya syarat-syarat hidup peradaban, sudah

terdapat hasil kesenian seperti wayang kulit, gamelan dan kepandaian membatik<sup>1</sup>.

Aspek ketamadunan asal orang-orang Melayu turut dikaji oleh Ralph Linton (Dalam Mohd Taib Osman, 1974:12) yang mengkaji organisasi sosio-politik dan corak unit-unit perkampungan serta kepercayaan. Beliau mendapati orang-orang Melayu telah mempunyai struktur perkampungan yang tersusun seperti yang kita ketahui sekarang ini. Linton (Dalam Mohd Taib Osman, 1974:12) mendapati aspek kepercayaan orang-orang Melayu adalah animisme, kepercayaan kepada gejala yang menguasai alam semesta dan aruah nenek moyang. Mereka juga percaya kepada Dewa Agung (*Supreme Being*), Dewa Langit, Dewi Bumi dan sebagainya. Syamanisme juga salah satu aspek kepercayaan pada ketika itu.

Berdasarkan perbincangan di atas adalah jelas bahawa orang-orang Melayu pada zaman prasejarah sebenarnya telah ada peradabannya yang tersendiri. Adalah didapati bahawa untuk memenuhi keperluan, keselamatan dan kesejahteraan bersama telah mendorong mereka untuk bersatu (*assabiyah*) dan seterusnya mendirikan tamadun. Pendapat-pendapat para sarjana Barat bahawa wilayah Asia Tenggara berada di bawah lindungan peradaban-peradaban luar dan menerima pengaruh-pengaruh mereka terbukti tidak berasas. Sebelum berlakunya

proses pengindiaan masyarakat Asia Tenggara telah menunjukkan pelbagai ciri persamaannya, misalnya penanaman padi basah dan kehandalan dalam ilmu pelayaran; sistem pemujaan leluhur animisme, dualisme kosmologi antara gunung dan laut dan ramalan numerologi yang berkaitan dengan kuasa ghaib (Kobkuasuwannathat-Pian,1997:9).

### **5.3. Zaman Sejarah - *The Greater India*.**

Menjelang abad pertama Masihi, Asia Tenggara telah mulai dikunjungi oleh pedagang-pedagang India, China dan diikuti kemudiannya oleh orang-orang Arab. Inilah permulaan interaksi antara tamadun masyarakat di Asia Tenggara amnya dan orang-orang Melayu khususnya dengan tamadun-tamadun Hindu-Buddha dan China. Para sarjana Barat pada lazimnya menggunakan istilah *The Greater India* atau sekurang-kurangnya istilah *Indianization* yang bermaksud bahawa yang mencorakkan tamadun di Asia Tenggara ini adalah tamadun India.<sup>2</sup>

Pengenalan agama Hindu dan Buddha merupakan satu dimensi baru dalam kepercayaan dan pemikiran masyarakat tempatan. Proses pengindiaan berlaku secara perlahan-lahan dan memakan masa yang panjang. Proses ini tidak membabitkan kuasa ketenteraan ataupun ekonomi, tetapi berjaya mempengaruhi secara mendalam konsep politik dan sosio budaya masyarakat tempatan <sup>3</sup>. Agama Hindu-Buddha mempunyai pengaruh yang besar ke atas masyarakat tempatan dalam

bidang keagamaan, pentadbiran, bahasa, kesusasteraan dan kesenian. Pengaruh tersebut dapat tersebar dengan luas di Asia Tenggara akibat sokongan dan naungan golongan pemerintah. Justeru itu terdapat beberapa teori interaksi tamadun yang menerangkan cara-cara pengaruh Hindu-Buddha tersebar di Asia Tenggara.

Menurut N.J.Krom (Dalam D.G.E. Hall, 1984 : 26), golongan pedagang merupakan perintis bagi kemasukan agama Hindu-Buddha dan hubungan dengan India di Asia Tenggara. Para pedagang India sementara menanti pertukaran angin monsun telah berkahwin dengan wanita tempatan dan seterusnya menyebarkan pula kebudayaan India. Sehubungan itu interaksi berlaku bukanlah secara individu sahaja tetapi dalam bentuk sekumpulan masyarakat pedagang India beragama Hindu berinteraksi dengan penduduk tempatan. Setelah berkahwin mereka membawa bersama-sama mereka kaum Brahmin untuk mengajar agama Hindu di kalangan keluarga mereka yang terdekat.

Tetapi J.C.Van Leur (D.G.E.Hall,1984:24) pula berpendapat bahawa para pemerintah tempatan yang telah mengambil inisiatif untuk menjemput golongan Brahmin bagi menonjolkan kuasa dan kesaktian mereka. Raja-raja dikatakan penjelmaan Dewa Siva dan Visynu, atau lebih dikenali sebagai konsep *devaraja*. Teks *Hikayat Hang Tuah* ada menyebut bahawa nenek moyang Kesultanan Melayu Melaka adalah

berasal daripada penjelmaan Sang Sapurba yang berasal dari kayangan yang turun di puncak Gunung Mahaviru, Palembang. *Sejarah Melayu* menerangkan putera-putera Raja Suran yang berasal dari dalam laut telah menjelma di puncak Bukit Seguntang Mahameru. Penjelmaan itu diikuti dengan kejadian perubahan alam di mana padi bertukar menjadi emas, daun menjadi perak dan batang menjadi suasa.

Namun begitu ada juga yang berpendapat bahawa penyebaran pengaruh Hindu-Buddha ini berlaku melalui proses interaksi secara dua hala<sup>4</sup>. Orang-orang Melayu sememangnya terkenal sebagai pelaut yang mahir dan berani. Mereka telah sampai ke India dan membawa balik pengetahuan tentang tamadun India. Unsur-unsur peradaban Hindu-Buddha yang tidak bercanggah dengan amalan dan kepercayaan tempatan diperkenalkan. Misalnya masyarakat tempatan telah memuja dewa-dewi Hindu seperti Siva, Visnu, Indra, Ganesha, Durga, Kali dan sebagainya. Manakala ajaran agama Buddha aliran Theravada berkembang di Myanmar dan Thailand. Aliran Mahayana pula berkembang dan merebak di Jawa, Sumatera dan Indo China. Pusat-pusat pengajian agama Buddha yang terkemuka di Asia Tenggara antara abad ke-7 hingga ke-12 Masihi ialah di Palembang.

Daripada pernyataan di atas jelaslah bahawa berlaku interaksi antara masyarakat di Asia Tenggara dengan India dan China. Golongan



pedagang yang datang ke rantau ini bukanlah secara bersendirian tetapi secara berkumpulan. Kapal-kapal layar tidak dapat diuruskan secara individu atau berseorangan. Perdagangan adalah cara yang paling mudah untuk menyebarkan tamadun secara langsung ataupun tidak langsung. Tamadun dari India lebih mudah tersebar kerana orang-orang India dapat menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat tempatan dengan cepat. Pengaruh ini dapat dilihat daripada beberapa sudut:

a. **Bahasa.**

Bahasa adalah alat pertuturan dan perhubungan yang sangat penting dalam perkembangan sesebuah tamadun. Untuk tujuan perbincangan kita, Bahasa Melayu diangkat sebagai bukti bahawa wujudnya pengaruh bahasa asing. Pengaruh bahasa asing ini akhirnya sebati dan menjadi salah satu perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu. Antara faktor terjadinya peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Melayu adalah:

- i. Tidak terdapat perkataan dalam bahasa Melayu untuk menyebutkan sesuatu perkara yang ada dalam bahasa asing.
- ii. Perkataan yang ada dalam bahasa Melayu tidak menepati maksud sepenuhnya bahasa asing itu.
- iii. Penutur bahasa itu banyak berdampingan dengan orang Melayu.

Perkataan-perkataan yang diserap oleh orang-orang Melayu dapat dibuktikan seperti berikut, antaranya:

- i. Perkataan yang berkaitan dengan tubuh manusia, misalnya kepala, lidah, hasta, bahu, nadi, sendi.
- ii. Perkataan yang berkaitan dengan barang-barang dagangan dan perniagaan, misalnya kasturi, sutera, kapas, guni, harga, harta, benda, pala, lawang, dan lain-lain.
- iii. Perkataan yang berkaitan dengan waktu misalnya senja, senjakala, hari, dinihari, purnama, tadi dan lain-lain.
- iv. Perkataan yang berkaitan dengan alat perkakas seperti gergaji, kecapi, kendi, jala, tenggala, pancaragam dan lain-lain.
- v. Perkataan yang berkaitan dengan batu permata dan cecair seperti emas, raksa, timah, suasa, manikam, baiduri, delima, mutiara dan lain-lain.
- vi. Perkataan yang berkaitan dengan persaudaraan seperti saudara, suami, isteri, teruna, ayah, tua, muda, belia dan lain-lain.
- vii. Perkataan yang berkaitan dengan iklim dan bintang seperti gerhana, udara, angkasa, utara, mega, cahaya, gempa, gelita dan lain-lain.
- viii. Perkataan yang berkaitan dengan senjata dan peperangan seperti hulubalang, panah, panglima, keris, bala tentera dan sebagainya.

ix. Perkataan yang berkaitan dengan kebesaran seperti raja, maharaja, baginda, paduka, duli, permaisuri, putera, puteri, mahkota, perdana menteri, sida-sida, bentara, bendahara, istana, kurnia dan sebagainya.

#### b. **Teknologi**

Teknologi boleh ditakrifkan sebagai benda yang dibuat atau dilaksanakan dan cara membuat atau melaksanakan benda tersebut. Teknologi juga ditakrifkan secara luas sebagai semua teknik yang digunakan untuk mencapai tujuan (Wan Ramli Wan Daud dalam Mohd. Yusof Hj. Othman, 1995:14). Manusia yang hidup bertani pula mencipta teknologi penanaman dan penuaian tanaman serta teknologi berdasarkan tanaman dan tabii di sekelilingnya. Orang Melayu yang bertanam padi mencipta peralatan pertanian seperti tajak, tenggala dan sisir, dan membina rumah daripada kayu, buluh dan nipah atau rumbia. Bagi manusia yang bergantung hidup pada lautan, teknologi perahu dan penangkapan ikan dihasilkan. Orang Melayu di pesisiran pantai semenanjung dan ratusan pulau di Alam Melayu ini, membina perahu dan jong merentas lautan yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri.

Teknologi turut berkembang hasil daripada interaksi antara tamadun dan berlakunya pemindahan teknologi. Tenggala Melayu yang asal mungkin datang daripada tamadun India yang merupakan tamadun

terawal yang menanam padi kerana Tamadun-Hindu-Budha bertapak sejak abad pertama Masihi selama kira-kira 1500 tahun. (Ibid:16).

Pengaruh agama Hindu dan Buddha juga jelas terlihat dalam bidang teknologi senibina. Seni bina yang amat mengagumkan dapat dilihat pada candi-candi yang dibina oleh kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara. Candi merupakan bangunan tempat penyembahan Tuhan berasaskan ajaran agama Hindu dan Buddha yang diperbuat daripada batu. Kebanyakan candi dibina dengan menggunakan tenaga kerah. Antara candi yang paling indah ialah Borobudur di Indonesia dan Angkor Wat di Kemboja. Manakala di Tanah Melayu terdapat candi yang dibina di kawasan Lembah Bujang, Kedah.

**c. Sistem Sosial.**

Masyarakat Melayu pada zaman Hindu ini boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan penting.

- i. *Pemerintah.* Golongan pemerintah terdiri daripada raja. Mereka ini dikatakan berasal daripada penjelmaan dewa Siva dan Vishnu. Raja menjadi sumber undang-undang yang tertinggi.
- ii. *Pertengahan.* Golongan pertengahan terdiri daripada golongan pemerintah yang dilantik oleh raja sama ada secara '*ad hoc*' ataupun jawatan yang diwarisi. Antara jawatan yang dipegang oleh

golongan pertengahan ini ialah Bendahara, Temenggung, Laksamana, Syahbandar dan beberapa jawatan lain lagi.

iii. *Golongan Rakyat/Bawahan*. Boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu:

- a. *Rakyat bebas*, mereka terdiri daripada peniaga dan rakyat biasa. Mungkin juga mereka adalah kaum pendatang dari Kepulauan Melayu yang lain.
- b. *Hamba raja* terdiri daripada perajurit, pahlawan yang berkhidmat dengan raja. Hamba raja mendapat hak istimewa, iaitu kalau mereka melakukan jenayah mereka tidak boleh dibunuh kecuali dengan kehendak raja.
- c. *Hamba*. Boleh dibahagikan kepada;
  - i. *Hamba Tawanan* - hamba yang didapati melalui tawanan perang.
  - ii. *Hamba Berhutang* - hamba kepada tempat berhutang kerana tidak mampu menjelaskan hutang itu dalam waktu yang ditetapkan.
  - iii. *Hamba Serah* - seseorang yang meminta perlindungan kepada seseorang kerana kemiskinan dan jenayah.
  - iv. *Abdi* - hamba yang diperolehi secara jual beli.

#### d. Sistem pemerintahan.

Sistem politik di Asia Tenggara amnya dan di Tanah Melayu khususnya adalah berasaskan konsep kosmologi yang meletakkan raja sebagai simbol kosmos dengan manusia berada di bawah penguasaannya. Ini terjadi kerana doktrin Hindu-Buddha tentang penitisan dewa (*incarnation*), dengan raja sebagai pilihannya. Dari sinilah wujudnya konsep '*Dewaraja*' di mana raja dianggap sebagai keturunan atau titisan Dewa Siva atau Vishnu. Dalam hubungannya dengan Tuhan, raja merupakan wakil atau simbol Tuhan di muka bumi dengan rakyat berada di bawah pengawasannya. Raja adalah berdaulat dan sakti, maka rakyat dituntut untuk mematuhi dan taat setia terhadap apa sahaja perintah raja, walaupun undang-undang itu zalim dan tidak berperikemanusiaan.

Satu aspek yang perlu ditekankan di sini ialah hakikat bahawa kota-kota yang "diindianisasikan" itu tidak menerima sosiobudaya dan falsafah politik India secara bulat-bulat. Apa yang terjadi ialah sosiobudaya dan sistem politik India disesuaikan dengan keadaan sosiopolitik dan budaya tempatan sehingga menjadi ciri-ciri tersendiri. Contohnya sistem kasta Hindu tidak diamalkan sepenuhnya di Melaka, dan tulisan yang menggunakan huruf-huruf India (*palava*) telah digantikan dengan tulisan Jawi yang diubahsuai daripada tulisan Arab.

Menurut Kobkuasuwannathat-Pian (1997:10-11), Secara amnya, kota-kota yang merupakan pusat kerajaan negeri zaman keindiaan mencerminkan juga kepercayaan masyarakat tentang hubungan rapat antara dunia manusia dengan dunia kedewaan mengikut prinsip kosmologi Hindu-Budha. Struktur dan pengaturan kota-kota tersebut adalah mengikut struktur dan pengaturan susunan fizikal di dunia kedewaan, yakni kota-kota itu dipagar oleh dinding batu atau benteng buluh atau kayu; di dalamnya terdapat istana raja dan rumah kayu untuk golongan pembesar dan penduduk. Hanya kuil atau tempat agama sahaja dibina dengan menggunakan batu bata di tengah kota tersebut seperti Gunung Meru terletak di tengah dunia kedewaan, dan dianggap sebagai sumber segala kuasa rohani mahupun duniawi. Justeru itu *Sejarah Melayu* memberikan gambaran bahawa putera-putera Raja Suran yang menjelma di puncak Bukit Seguntang penuh dengan kesaktian dan berwibawa untuk menjadi raja bagi orang-orang Melayu. Ini dapat dibuktikan oleh *Sejarah Melayu* melalui beberapa peristiwa seperti kisah kesemua 39 orang isteri Sang Sapurba menjadi kedal setelah mereka ditiduri, air masin menjadi tawar setelah Sang Sapurba mencelup kakinya dan sebagainya.

Manakala Weber dan Heine-Geldern (Dalam Kobkua Suwannathat-Pian, 1997:14) menekankan kefahaman yang unit politik tradisional Asia Tenggara itu tidak mempunyai sempadan yang tetap.

Jatuh bangun sesebuah negara adalah berkait dengan raja pemerintahan atau pusat kuasa negaranya. Kekuatan sesebuah negara adalah dalam keadaan yang bergerak yakni bergantung pada kebolehan - kuasa moral dan kuasa militer - dan karisma seorang raja pemerintahnya. Sekiranya raja pemerintah bijak dan berkarisma, negara akan menjadi kuat dan mempunyai empayar yang luas. Jika dalam keadaan sebaliknya, negara akan menghadapi kesusahan dan kehilangan kuasa dan martabatnya jika raja pemerintah kurang berkebolehan. Dengan itu kuasa luar biasa dan karisma seseorang raja amat penting kepada keselamatan dan kemakmuran negara. Oleh itu, pentadbiran sesebuah negara merupakan satu amalan dalam kepercayaan dan kuasa tarikan dan bukan paksaan. *Sejarah Melayu* menekankan konsep ini dengan memperlihatkan kejatuhan Singapur di tangan Majapahit adalah kerana kelemahan peribadi Raja Iskandar Syah.

e. **Kepercayaan.**

Hasil daripada kajian arkeologi yang ditemui di Kalimantan Timur, dianggarkan kira-kira pada abad keempat Masihi sudah terdapat sebuah kerajaan Hindu di Kalimantan. Kerajaan itu diperintah oleh seorang raja bernama Mulawarman. Agama Hindu yang dianuti oleh penduduk di situ ialah daripada aliran Brahmanisme.



Di Bogor dan sebelah Timur Tanjung Periuk, Indonesia ditemui batu bersurat. Tulisan dalam bahasa Sanskrit yang menerangkan bahawa di Jawa Barat terdapat sebuah kerajaan Hindu bernama Taruma Negara yang diperintah oleh raja bernama Purnawarman kira-kira di antara abad keempat dan kelima Masihi. Fa-Hsien seorang pengembara Cina telah singgah di Jawa Barat pada tahun 414 Masihi. Menurut catatannya, penduduk Jawa Barat menyembah berhala dan menganut fahaman agama Hindu adripada aliran Brahmanisme Sivanisme dan Visynuisme.

Pada tahun 671-695 Masihi seorang pengembara Cina yang lain bernama I-Tsing dalam perjalanannya ke India telah singgah di Sumatera. Dalam laporannya I-Tsing mencatatkan bahawa raja-raja di Sumatera menganut agama Buddha. Palembang adalah sebuah pusat pengajian tinggi agama Buddha yang menggunakan bahasa Sanskrit sebagai bahasa pengantarnya. Kerajaan di Palembang itu ialah Srivijaya. Pada tahun 891 Masihi, Raja Balaputera telah mendirikan sebuah biara yang terkenal di Kota Nalanda untuk pendeta-pendeta agama Buddha di Sumatera.

Kerajaan Srivijaya merupakan sebuah empayar Melayu yang terkuat dan menguasai Selat Melaka. Di antara tahun 695-742 Masihi kerajaan Srivijaya sering mengutus utusannya ke negeri China. Ibu negerinya di Palembang telah dijadikan pusat agama Buddha seperti

yang dilaporkan oleh I-Tsing. Empayar Srivijaya meliputi Tanah Melayu hingga ke negeri Kedah dan Selatan Thailand. Pada abad ke-12 Masihi kerajaan Srivijaya mula merosot, lalu muncul kerajaan-kerajaan Hindu yang lain di Pulau Jawa, seperti Singasari dan Majapahit.

Sebelum agama Hindu dan Buddha di bawa ke Asia Tenggara dan khususnya ke Alam Melayu, penduduk di daerah ini menganut fahaman agama yang bercorak animisme. Agama Hindu yang dibawa dari India itu berjaya mendapat tempat di kalangan raja-raja Melayu dan Jawa. Walaupun agama Hindu menjadi anutan penduduk di daerah ini khasnya di kalangan raja-raja dan kaum bangsawan, namun unsur kepercayaan lama terus diamalkan seperti pemujaan kubur datuk nenek yang sering dilakukan oleh raja-raja Hindu di Pulau Jawa seperti yang dilakukan oleh Hayam Wuruk.

Agama Hindu yang telah bercampur dengan kepercayaan peribumi; konsep dewa-dewa Hindu disesuaikan pula dengan kepercayaan terhadap makhluk ghaib dalam kepercayaan animisme. Dengan itu berlakulah proses sinkritisme antara kepercayaan Hindu dengan kepercayaan peribumi. Di samping itu kepercayaan rakyat terhadap agama Hindu tidak begitu mendalam kerana masih kuat berpegang kepada kepercayaan lama yang diwarisi daripada datuk nenek mereka sedangkan unsur-unsur kepercayaan Hindu Vedaisme yang

diperkenalkan itu tidak jauh bezanya daripada konsep makhluk-makhluk ghaib yang dipercayai oleh penduduk peribumi.

#### **5.4 Pemantapan Tamadun Melayu.**

Ada berbagai-bagai pendapat mengenai kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu. Ada yang berpendapat orang-orang Arab telahpun sampai ke Kepulauan Melayu sebelum lahir Nabi Muhammad S.A.W. dan sehubungan dengan itu merekalah yang telah membawa agama Islam ke Kepulauan Melayu. Ada pula sarjana yang mengatakan Islam telah dibawa oleh saudagar-saudagar dan mubaligh-mubaligh India, dan pendapat berikutnya datang dari China. Di sini bukanlah kita akan membincangkan bilakah tarikh kedatangan tamadun Islam, sebaliknya membincang secara ringkas kesan interaksi antara tamadun Melayu dengan tamadun Islam sedikit sebanyak telah mempengaruhi proses pemantapan pembentukan tamadun Melayu.

Secara umumnya Islam mulai tersebar di Kepulauan Melayu sejak abad ke-13 Masihi. Agama ini dikatakan bertapak di Pasai kira-kira sekitar tahun 1297 Masihi dan 1303 Masihi di Terengganu. Kedatangan Islam ke daerah ini telah membawa perubahan yang dinamik sebagaimana yang dikatakan oleh Syed Muhammad Naguib Al-Attas (1972:23-25) bahawa agama Islam itu telah mengubah jiwa dan fizikal masyarakat Melayu Indonesia. Mohd. Taib Osman juga berpendapat

bahawa kedatangan Islam ke Nusantara telah membawa perubahan sehingga menjadikannya sebahagian daripada dunia Islam (Mohd. Taib Osman.1974:24). Perubahan yang dimaksudkan itu meliputi semua aspek kehidupan orang Melayu seperti dalam bidang-bidang bahasa, sastera, intelektual, undang-undang, kepercayaan, politik, adat istiadat, kesenian dan lain-lain.

Mohd Taib Osman (1974:20-24) telah memberi penjelasan yang agak jelas mengenai perkembangan tamadun Islam di Kepulauan Melayu. Menurut beliau, tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan Islam telah mengikuti perjalanan perdagangan yang terdapat di rantau ini antara kurun ke-12 dan 16. Tetapi yang pentingnya ialah perkembangan Islam selanjutnya adalah lebih luas dan mendalam daripada yang dialami oleh pengaruh peradaban India. Islam telah menyerapi segala peringkat penduduk di mana ia berkembang, dan bukan terhad pada golongan pemerintah sahaja. Menurut beliau lagi, walaupun struktur sosial tidak menunjukkan pembaharuan yang besar daripada zaman sebelum Islam, namun penganutan agama Islam dapat dikatakan membawa transformasi kebudayaan, seperti juga kebudayaan Arab mengalami transformasi yang radikal dengan penyebaran agama Islam yang diilhamkan kepada Nabi Muhammad (S.A.W) dalam abad ke-7 Masihi.

### **5.5. Melaka - Pusat Penyebaran Agama Islam.**

Menurut catatan orang Portugis, Parameswara merupakan pemerintah Melaka yang pertama. Baginda berasal dari Palembang (Srivijaya) telah melarikan diri ke Singapura. Di Singapura baginda disambut baik oleh pemerintah Singapura yang mendapat naungan Siam. Tetapi tidak lama kemudian pemerintah Singapura dibunuh oleh Parameswara dan baginda mengisytiharkan dirinya sebagai raja yang baru. Parameswara kemudiannya diserang oleh Siam dan sekali lagi terpaksa menjadi orang pelarian. Parameswara dan pengikut-pengikutnya telah membuka Melaka pada tahun 1400. Untuk mengelakkan Melaka daripada serangan Siam, Parameswara menghantar ufti tahunan yang berupa emas 40 tahlil.

Parameswara juga menyadari kelebihan yang ada pada Melaka, antaranya:

- a. Melaka terletak di pertengahan jalan perdagangan antara China dan India.
- b. Melaka dapat mengawal kapal yang melalui Selat Melaka dengan bantuan Orang-orang Laut.
- c. Mempunyai kawasan pelabuhan yang dalam dan sesuai untuk disinggahi oleh kapal-kapal dagangan yang besar.
- d. Terlindung daripada tiupan Angin Monsun Timur Laut.

Parameswara telah memastikan Melaka tidak diserang oleh Siam dengan membayar ufti dan mendapat perlindungan daripada kerajaan China. Ini terbukti apabila ketibaan Laksamana Yin Ching (1404) dan Laksamana Cheng Ho (1409) diberi sambutan luar biasa. Parameswara sendiri kemudiannya telah pergi mengadap Maharaja Cina dan ini mengeratkan lagi hubungan Melaka-China. Suasana yang tenang di Selat Melaka membolehkan Parameswara mengukuhkan kedudukannya sama ada dari segi perdagangan mahupun dari segi ketenteraan. Kedudukannya dimantapkan lagi melalui pemelukan agama Islam. Saudagar-saudagar Islam (dari India, China dan Arab) telah menaungi Melaka dan ini membolehkan Melaka muncul sebagai pusat perdagangan, empayar dan penyebaran agama Islam. Pada pertengahan abad ke-15, Melaka muncul sebagai sebuah pelabuhan entreport antarabangsa yang maju dan sibuk. Adalah dilaporkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 84 bahasa dipertuturkan di Melaka.

Karya agung *Sejarah Melayu* telah melaporkan kedatangan tokoh-tokoh asing ke Melaka bukan sahaja untuk berniaga tetapi juga untuk menyebarkan agama Islam. Antaranya ialah Maulana Abu Bakar yang dikatakan telah membawa *Kitab Darul Mazlum*, Maulana Sadar Jahan mengajar ilmu tasawuf di istana dan di kalangan para pembesar dan rakyat. Dari Melaka agama Islam disebarikan pula ke negeri-negeri lain di

sekitar Kepulauan Melayu. Selepas kejatuhan Melaka, peranan Melaka tersebut diambil alih oleh Aceh.

## **5.6 Beberapa Aspek Tamadun Melayu Di Bawah Pengaruh Tamadun Islam..**

### **i. Adat dan Istiadat.**

Adat bermaksud kebiasaan. Tetapi dalam konteks masyarakat Melayu perkataan 'adat' membawa pengertian yang lebih luas sehingga diberikan pengertian yang lebih konkrit (Haron Daud, 1989:141). M.B.Hooker (1970) berpendapat adat antaranya meliputi budi bahasa atau tata tertib, perlakuan yang wajar, sesuatu keadaan yang lazim dan undang-undang. Adat juga dikatakan bermaksud satu kebiasaan daripada satu perbuatan yang diulang-ulang dan diterima oleh masyarakat sebagai satu peraturan hidup yang mesti dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat (Dalam Haron Daud, 1989:142). Manakala Haron Daud (1989:142) merumuskan adat meliputi undang-undang dan larangan Diraja yang melibatkan hukuman ke atas pelanggar-pelanggarnya. Istiadat diertikan sebagai aturan negeri dan peraturan dalam sesuatu upacara.

Untuk menggantikan adat dan tradisi lama, tamadun Islam memperkenalkan beberapa adat yang bercorak keislaman; misalnya adat mengecapkan air madu atau air sirih ke mulut bayi yang baru lahir digantikan dengan adat mencecapkan air zam-zam. Pembacaan mantera

yang biasa dilakukan sebelum adat itu dimulakan juga digantikan dengan pembacaan surah al-Fatihah dan surah al-Ikhlâs, kemudian dibacakan doa.

Menurut Yusof Iskandar dan Abd.Rahman Kaeh (1985:78), adat serta istiadat dalam masyarakat Melayu Melaka dimulakan oleh Sultan Muhammad Syah, bila pengarang *Sejarah Melayu* mengatakan;

“Maka Sultan Muhammad Syah pun mengatur takhta kerajaan baginda.

Syahadan bagindalah yang pertama-tama meletakkan “kekuningan larangan”; tidak dapat dipakai orang keluaran, ...” (A.Samad Ahmad,1986:74)

Walau bagaimanapun pendapat tersebut dipersoalkan oleh Haron Daud (1989:143). Menurut beliau *Sejarah Melayu*, (edisi-edisi Winstedt, Shellabear, dan A.Samad Ahmad) menyebut adat dan istiadat kerajaan itu dibuat oleh Raja Besar Muda, putera Raja Iskandar Syah. Walau bagaimanapun terdapat kekeliruan mengenai penggunaan istilah adat, undang-undang, larangan diraja, aturan negeri dan istiadat (pelaksanaan upacara). Oleh itu Haron Daud (1989:147) telah memecahkan persoalan adat itu kepada dua iaitu:

1. Adat yang melibatkan hukuman.
2. Adat yang tidak melibatkan hukuman.



Pertama, adat yang melibatkan hukuman terbahagi kepada dua jenis iaitu pertama undang-undang dan kedua larangan Diraja.

- i. Undang-undang - antaranya termasuklah derhaka, menggunakan hak raja tanpa izin, seperti mengambil gundik baginda, merancang untuk merampas kuasa atau seumpamanya, membunuh tanpa izin raja, tidak mengadap raja pada hari-hari tertentu, biadab kepada raja atau wakilnya, mencuri, mengambil harta atau barang orang lain yang tercicir, membuat fitnah dan mengambil isteri orang.
- ii. Larangan Diraja - memakai kain kuning, membuat rumah dengan bentuk tertentu, membuat perahu dengan kelengkapan tertentu, memakai perhiasan emas, memakai keris tertentu dan menggunakan payung putih dan kuning.

Kedua, adat yang tidak melibatkan hukuman, terbahagi kepada dua jenis iaitu:

- i. Aturan Negeri - negeri kalah raja mati, perlantikan raja mengikut keturunan melalui wasiat, susunan tempat duduk semasa menjunjung duli, peraturan menghadap raja, mengarak sejadah ke masjid, peraturan semasa raja berangkat, dan aturan pengurniaan gelaran.
- ii. Istiadat (upacara) - perkahwinan, melenggang perut, menyambut kelahiran anak, bertindik dan berkhatan, kematian atau pengebumian dan perlantikan dan pertabalan raja.

Beberapa contoh adat yang melibatkan hukuman berdasarkan

*Sejarah Melayu*:

a. Di antara tujuh orang Sultan Kerajaan Melaka yang beragama Islam, Sultan Alauddin Riayat Syah dapat dianggap sebagai sultan yang dapat mencontohi ajaran Islam dan melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya. Sebagai contoh, peristiwa pembunuhan di Pasai yang dilakukan oleh orang Haru itu telah ditentang oleh Melaka; pembunuhan Tun Telanai di Terengganu oleh Pahang, demikian juga peristiwa pembunuhan di Siak, semuanya ditentang oleh Melaka. Perbuatan-perbuatan itu tidak dibiarkan berlaku dengan sewenang-wenangnya (Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh, 1985:92).

b. Kesalahan mencuri dijatuhi hukuman potong tangan. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

"Maka titah baginda (Sultan Alauddin Riayat Syah) pada Seri Maharaja: Jikalau orang mendapat harta orang, jika tiada dipulangkannya pada yang empunya, disuruh baginda kudung tangannya; jikalau tiada bertemu dengan yang empunya harta, ke balai itulah dihantarkan." (A.Samad Ahmad, 1986:175)

Contoh peraturan negeri adalah seperti berikut:

a. Cara perlantikan raja atau pengganti raja adalah melalui wasiat yang lazimnya mengikut keturunan (ayah kepada anak). Walau

bagaimanapun anak raja yang dipilih itu biasanya telah dilantik sebagai Raja Muda atau bakal raja.

- b. Peraturan-peraturan tertentu dikenakan dalam melaksanakan sesuatu hal, misalnya mengerjakan ibadat. *Sejarah Melayu* ada menggambarkan peraturan raja berangkat ke masjid untuk sembahyang tarawih pada malam tujuh likur dan sembahyang hari raya. Jika untuk sembahyang tarawih pada malam tersebut, aturannya, pada petang itu terlebih dahulu sejadah, alat kebesaran kerajaan dan puan raja diarak dengan gajah ke masjid. Aturan keberangkatan baginda pada malamnya sama dengan peraturan semasa hari raya. Raja boleh berangkat ke sana sama ada secara usungan atau bergajah.

Menurut Haron Daud (1989:163), memandangkan kebanyakan daripada aturan itu ada kaitan dengan upacara agama Islam, memang tepat jika dikatakan Sultan Muhammad Syahlah yang pertama melaksanakannya kerana baginda adalah sultan Melaka yang pertama memeluk agama Islam. Lagipun aturan itu ditimbulkan ketika baginda menjadi raja Melaka.

## ii. **Sistem politik.**

Sistem politik Melayu tradisi juga banyak dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu, namun begitu Islam telah membawa beberapa

perubahan. Misalnya, sistem feudalisme Hindu telah digantikan dengan sistem feudalisme yang diperkenalkan pada zaman kerajaan Abassiyah dan diperkembangkan di India di bawah pemerintahan Kesultanan Delhi (Ismail Hamid,1991:66). Tamadun Islam telah mencorakkan sistem kesultanan Melayu. Misalnya konsep diraja telah diubah sifatnya daripada penjelmaan dewa kepada seorang pemerintah atau pemimpin rakyat sahaja. Sultan dalam pengertian Islam seharusnya menjalankan pemerintahan dengan adil dan bertimbang rasa kepada rakyat serta bertindak mengikut perintah Allah, membuat kebaikan dan mencegah kejahatan. Para ulama menjadi penasihat raja, menulis kitab-kitab agama, undang-undang negeri dan buku-buku ilmu pengetahuan.

Sultan Alauddin Riayat Syah adalah merupakan sultan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan berdasarkan agama Islam malah mencontohi corak pemerintahan Khalifah Umar al-Khatib. Baginda diceritakan pernah menyamar diri dan keluar waktu malam untuk melihat sendiri keadaan negeri. Baginda sendiri pada satu masa pernah menangkap pencuri.

“Maka Sultan Alau’-d-Din Riayat Syah pun berjalanlah tiga orang dengan penjawat sirih santap bagnda, berkeliling negeri Melaka itu, hendak melihat hal negeri itu.” (A.Samad Ahmad,1986:173).

Di peringkat daerah, pemerintahan dijalankan oleh pembesar kerajaan dengan dibantu oleh kadi, penghulu dan imam. Kuasa pemerintahan di daerah dijalankan melalui surat kuasa yang dianugerahkan oleh sultan. Surat kuasa itu bercap mohor diraja berlambangkan keislaman serta mengandungi pesanan dan doa kepada Allah.

“Maka Seri Bija Diraja dititahkan baginda diam di Pahang, dianugerahi gendang nobat dengan selengkapnya, melainkan nagara juga yang tiada, dan dianugerahi payung iram-iram berapit oleh jasanya menangkap Maharaja Dewa Sura itu.” (A.Samad Ahmad,1986:99).

### iii. **Kesenian.**

Dalam bidang kesenian, tamadun Islam telah mempengaruhi semua bidang kesenian Melayu baik dalam seni lagu, seni tari, seni ukiran, seni bina, seni hias mahupun seni drama. Misalnya, dalam pembinaan masjid, pengaruh seni bina masjid dari Asia Barat telah mempengaruhi reka bentuk masjid-masjid di alam Melayu (Ismail Hamid, 1991: 68). Keindahan seni bina ini tergambar pada bentuk kubah, dan bentuk mihrab yang menghala ke kiblat. Keindahan seni bina masjid juga terlihat pada bentuk tiang, relung (*arch*), ragam hias dan ukiran corak daun (*arabesque*) yang terhias pada tiang dan dinding masjid.

Seni lukisan Islam juga telah mempengaruhi seni hiasan dalam kerja tangan dan barang-barang perhiasan orang Melayu. Hiasannya

pada barang-barang itu dibuatkan berdasarkan seni lukis Islam yang bercorak benda-benda yang tidak bernyawa seperti bunga-bunga, tumbuh-tumbuhan, daun-daun dan geometri. Warisan kesenian Islam begini dapat dilihat pada hasil tenunan, tikar sembahyang, dan barang-barang hiasan di dalam rumah. Gambaran unsur seni yang dinyatakan itu ada digambarkan oleh *Sejarah Melayu* (A.Samad Ahmad,1986:143).

"Pada antara itu diberi berkapa-kapa, pada antara kapa-kapa itu diberinya bumbungan melintang dan bergajah menyusu; sekaliannya bersayap layang-layang, sekaliannya itu diukir dan bersengkuap. "

Oleh sebab pemikiran orang Melayu telah dipengaruhi oleh agama Islam yang tidak menggalakkan lukisan manusia dan benda-benda yang bernyawa, maka hasil ciptaan seni rupa orang Melayu menekankan corak-corak ukiran seperti daun, bunga atau ayat-ayat al-Quran dengan tulisan khat. Bentuk-bentuk ukiran ini terdapat pada binaan istana-istana, rumah-rumah tradisional dan masjid. Ukiran-ukiran itu khususnya dibuat pada bahagian dinding, tingkap, tiang, tangga, bumbung dan beberapa bahagian yang lain (Ismail Hamid, 1991:191)

Seni khat atau kaligrafi merupakan sejenis seni Islam yang banyak mempengaruhi kesenian Melayu. Kesenian khat merupakan kesenian yang paling rapat dengan citarasa keislaman kerana seni khat menggunakan ayat-ayat al-Quran atau hadis-hadis nabi bagi membuat

ukiran atau tulisannya. Sehubungan itu kemampuan penyalin-penyalin menyalin naskah-naskah *Sejarah Melayu* dalam keadaan yang serba kekurangan adalah mengkagumkan. Menurut A.Samad Ahmad (1986:xxx):

“Hendaklah difahami bahawa penyalin-penyalin itu bukanlah kesemuanya ahli dalam bidang tulis-menulis; ada di antara naskah-naskah itu didapati seolah-olah penyalinnya belum berapa mahir menulis, kerana ejaannya banyak yang salah dan tulisannya seperti ‘cakar ayam’. Harus juga difahami bahawa kerja menyalin sesebuah naskah itu hanya sebagai kerja sambilan sahaja, sedangkan kerja itu memerlukan ketekunan dan kesabaran...yang mengambil masa berbulan-bulan lamanya...”

#### iv. Bahasa, ilmu dan Intelektual.

Sebelum kedatangan Islam bahasa Melayu dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit dan Jawa kuno. Menurut Winstedt, bahasa Melayu pada zaman Hindu itu ditulis dalam bentuk huruf Kawi dan Nagari yang berasal dari Pallava, India (R.O.Winstedt. 1988: 139). Selepas kedatangan Islam, bahasa Arab sebagai bahasa rasmi agama Islam mulai mengambil alih tempat bahasa Sanskrit di kalangan orang-orang Melayu. Huruf Arab telah digunakan untuk penulisan bahasa Melayu yang dinamakan huruf Jawi.

Dari segi perbendaharaan kata, kata-kata bahasa Melayu diambil alih oleh bahasa Arab dan bahasa Parsi. Bahasa Arab yang menjadi sumber pengajian agama dan ilmu pengetahuan di alam Melayu pada

zaman Islam telah memberi berbagai-bagai istilah kepada beberapa bidang ilmu pengetahuan yang mulai ditulis dalam bahasa Melayu. Dengan demikian selepas kedatangan Islam bahasa Melayu telah mengalami perubahan yang pesat dengan peminjaman kata-kata Arab sehingga bahasa Melayu menjadi media kepada ilmu pengetahuan seperti teologi, falsafah, etika, dan lain-lain. Menurut Van Der Kroef (Dalam Ismail Hamid, 1991:61), bahasa Melayu menerima pengaruh Islam dengan begitu kuat sekali, malah Melayu tanpa Islam diibaratkan sebagai diri tanpa nyawa.

Peminjaman kata-kata Arab begitu luas sekali meliputi semua bidang dalam kehidupan orang Melayu. Sebagai contoh:

- a. *Agama* - iktikad, rukun, sah, ajal, tasawuf, hakikat, makrifat, roh
- b. *Pemikiran* - akal, yakin, ilham, bahasa, ijtihad, makna, tafakur.
- c. *Pendidikan* - hisab, huruf, ilmu, nahu, maktab, hikayat, tafsir.
- d. *Undang-undang* - hukum, wajib, mansuh, takluk, batal, rujuk, mahkamah, hakim, dakwa.

Kedatangan Islam turut mempengaruhi tradisi penulisan buku-buku ilmu pengetahuan khususnya tentang ilmu agama. Kemudian diikuti dengan penulisan hikayat-hikayat, teologi, falsafah, undang-undang, sejarah, perubatan dan seterusnya. S.M.Naguib Al-Attas berkata bahawa



bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa pengantar dalam penulisan sastera epik dan roman, tetapi yang lebih penting lagi bahasa Melayu mulai dijadikan bahasa pengantar dalam penulisan buku-buku tentang falsafah. Dalam erti kata lain kedatangan Islam telah menyebabkan bahasa Melayu mengalami proses pemodenan dan mulai tersebar dengan meluas sehingga menjadi *lingua franca* di Kepulauan Melayu.

### **5.7 Kesimpulan.**

Peradaban Melayu adalah merupakan sebuah tamadun yang dinamis. Ini kerana ia sentiasa terbuka dan terdedah kepada interaksi dengan tamadun-tamadun asing yang datang ke rantau ini. Proses interaksi yang berlaku itu sangat panjang. Adalah dipercayai ia telah berlaku tidak lewat pada abad pertama Masihi dan ini sesuai pula dengan kedudukannya dari segi geografi dan sikap orang-orang Melayu yang terbuka. Perbezaan budaya tidak menghalang masyarakat di Asia Tenggara berinteraksi dengan orang-orang asing. Mereka dengan mudah menerima orang-orang asing dan melalui proses interaksi itu mereka mengubahsuaikan beberapa aspek tamadun asing yang difikirkan sesuai dan tidak bertentangan dengan adat istiadat dan kepercayaan mereka. Sebab itulah kita dapati dalam tamadun orang-orang Melayu khususnya kita dapati ia seolah-olah merupakan satu gabungan berbagai-bagai budaya. Di dalamnya terdapat pengaruh animisme, Hindu-Buddha, Islam dan kini Barat. Proses interaksi antara tamadun itu tidaklah secara

mendominasi tamadun yang lain. Interaksi berlaku secara sukarela dan ini berbeza dengan apa yang berlaku seperti di Filipina, pihak Sepanyol menggunakan paksaan.

Tamadun Melayu juga sangat menarik untuk diberikan perhatian. Ia merupakan sebuah tamadun yang dinamis dan sentiasa mengalami transformasi dari semasa ke semasa. Kedatangan tamadun-tamadun Hindu, Islam, Cina dan Barat ke Asia Tenggara telah mengubah bentuk tamadun orang-orang Melayu. Tamadun orang-orang Melayu yang bermula dengan tamadun agraria telah bertukar menjadi sebuah bangsa yang mahir dalam lapangan pelayaran dan perdagangan. Kemampuan mereka menyerap bahasa, teknologi, budaya, kepercayaan, ilmu dan sebagainya hasil daripada interaksi dengan bangsa-bangsa yang datang dengan membawa tamadun mereka yang telah maju, berjaya menjadikan sebuah tamadun yang gemilang sebelum kedatangan penjajah-penjajah Barat. Ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian sejarah bahawa dua buah kuasa Melayu yang penting iaitu Srivijaya dan Melaka telah menempa nama sebagai sebuah empayar dan kuasa maritim utama di rantau ini. Kedua-dua kuasa telah menjadi pusat penyebaran tamadun ke seluruh Kepulauan Melayu. Peranan kedua-dua empayar itu telah dilemahkan oleh kuasa-kuasa asing yang datang dari luar rantau ini.

## Nota Hujung Bab 5.

1. N.J.Krom telah memperkenalkan "Teori *Vaisya*" yang berpendapat bahawa yang merintis jalan bagi kemasukan agama dan kebudayaan India di rantau ini ialah golongan saudagar. Mereka adalah kasta ketiga dalam susunan masyarakat India dan dipanggil *Vaisya* (Mohd Dahlan Mansoer, 1979:31).
2. Kebanyakan sarjana menggunakan istilah zaman tradisional sebagai membezakan masa sebelum dan masa pentadbiran penjajah Barat. Zaman tradisional Asia Tenggara bermula dengan keruntuhan empayar Angkor pada abad ke-12 dan empayar maritim Srivijaya pada abad ke-13. Kedua-dua kuasa itu diganti oleh beberapa pusat kuasa baru yang berjaya menyesuaikan diri kepada suasana sosiopolitik baru yakni kedatangan agama Buddha Theravada dan Islam, penglibatan langsung China dalam aktiviti perdagangan dan politik di Asia Tenggara, dan kemudian kemunculan pusat-pusat kuasa baru seperti Majapahit dan Melaka.
3. Ada berbagai-bagai pendapat mengenai pengindiaan masyarakat di Asia Tenggara dan khususnya masyarakat Melayu. Ada sarjana yang cuba menghubungkan kisah kedatangan Raja Suran ke Tanah Melayu sebagai kisah benar-benar yang berlaku pada awal abad ke-11, iaitu serangan oleh Raja Rajendra Chola.
4. Van Leur telah menolak pendapat yang mengatakan bahawa perdagangan dan pedagang-pedagang telah mengembangkan kebudayaan. Beliau berpendapat bahawa kebanyakan pedagang itu adalah dari golongan bawahan dan anak-anak kapal mereka kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Negro Afrika dan hamba abdi. Orang-orang seperti itu, katanya tentulah tidak dapat melakukan upacara-upacara magis, dan mengembangkan agama dan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan yang rasional yang biasanya dilakukan oleh kaum Brahmin. Oleh itu Van Leur berpendapat bahawa menerusi perdaganganlah hubungan yang penting dibuat; tetapi usaha itu dijalankan diperingkat istana-istana dan ini adalah kerana peranan penting raja-raja dan pemebesar-pembesar dalam perdagangan luar. Raja-raja sedar tentang apa yang sedang berlaku lalu meniru raja-raja India Pravidia dengan menjemput sami-sami Brahmin itu datang ke istana-istana mereka. Pengembangan kebudayaan itu berlaku di peringkat istana dan dikembangkan oleh kaum Brahmin (D.G.E.Hall, 1984:24).